

Siswa ketagih laman sosial

» Kajian UPM dapati 90 peratus **pelajar Melayu lebih gemar melayari media sosial berbanding mencari bahan ilmiah**

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

► Serdang

Majoriti pelajar Melayu di universiti didapati lebih gemar menggunakan internet bukan untuk tujuan ilmiah sebaliknya bersosial di laman sesawang seperti Facebook, Twitter, YouTube dan lain-lain.

Kajian terbaru Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dilakukan sekumpulan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia, iaitu Rosma

Nayan, Murul Sahila Fauze dan Muhammad Nazmi Ramli itu amat membimbangkan kerana hanya 10 peratus pelajar Melayu melayari internet untuk tujuan mencari bahan ilmiah serta maklumat berkaitan tugasan diberikan pensyarah.

Pengarah Pusat Kokurikulum UPM yang mengetuai kajian itu, Prof Madya Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata 90 peratus pelajar Melayu lebih gemar menggunakan medium itu untuk keseronokan berbanding pelajar Cina dan India yang melayari internet untuk tujuan akademik iaitu sebanyak masing-masing 40 dan 48 peratus daripada keseluruhan responden.

“Kajian itu mendapati pelajar Melayu lebih risau tidak dapat

► Varsiti 2

Salah laku internet

◉ Dari muka 1

mengemas kini status di laman sosial berbanding memikirkan kesukaran untuk menyiapkan tugas apabila sambungan internet menghadapi masalah.

"Dapatan ini cukup membimbangkan kerana pelajar yang selama ini dianggap sebagai pemimpin masa akan datang menghancurkan kepercayaan diberikan apabila menyalahgunakan kemudahan diberikan ibu bapa mereka dan pihak universiti," katanya kepada Varsiti, di sini, baru-baru ini.

Kajian itu dijalankan de-

ngan menyediakan 10 soalan asas dan apabila responden menjawab soalan berkenaan, mereka turut ditanya soalan tambahan berdasarkan jawapan diberikan dan jawapan kemudian diklusterkan mengikut tujuan akademik atau sebaliknya.

Menurut kajian itu, 86 hingga 92 peratus responden menggunakan internet selama lebih lapan jam sehari, namun penggunaannya diklasifikasikan mengikut akademik mahupun bukan akademik termasuk melayari laman sosial, maklumat bukan akademik, 'chatting', memuat turun video atau lagu dan menonton YouTube.

Penyalahgunaan internet

Dr Mohammad Shatar berkata, penyalahgunaan internet juga mengundang sikap negatif lain dalam kalangan pelajar seperti lambat ke kuliah, ponteng kuliah, mengantuk ketika di dalam kelas dan melakukan tugas sambil lewa.

Selain itu, katanya, kesan ketagihan internet perlu diberi perhatian serius lebih lagi yang menjerus kepada aktiviti sosial melampau kerana banyak masalah wujud daripada medium itu dan turut menyumbang kepada dapatan kajian sebelum ini yang bertajuk 'Keterlibatan Remaja Dalam Salah Laku Seksual'.

Katanya, kehairahan bersosial di internet turut mengakibatkan masalah sosial lebih-lebih lagi kepada remaja yang mudah menerima sesiapa saja untuk berkawan di alam maya.

Beliau berkata, trend remaja sekarang lebih ramai kawan di Facebook atau 'Follower' di



TIADA FORMULA KHUSUS UNTUK MENGHENTIKAN KERANA INTERNET BOLEH DIAKSES DI MANA SAJA MENGGUNAKAN KOMPUTER, SIBER CAFE, TABLET PINTAR DAN TELEFON BIMBIT"

Dr Mohammad Shatar Sabran,
Pengarah Pusat Kukurikulum UPM

Twitter lebih seronok kerana berasa popular tanpa menyedari sebenarnya mereka mendedahkan segala maklumat diri dan memudahkan orang yang berniat jahat untuk mengambil kesempatan.

"Remaja sekarang suka kemas kini walau apa mereka buat dan di mana mereka berada walhal kita tidak tahu siapa yang melihat akaun Facebook kita.

"Sehingga kini tiada formula khusus untuk menghentikan semua ini kerana internet boleh diakses di mana saja menggunakan komputer, komputer riba, siber cafe, tablet pintar dan telefon bimbit," katanya.

Beliau berkata, kesimpulan daripada kajian itu tidaklah menyasarkan remaja untuk menggunakan internet 100 peratus bagi tujuan akademik, namun jika 90 peratus untuk tujuan sosial, ia melampaui batas dan perlu diberikan perhatian daripada ibu bapa dan pihak yang berkenaan.